
SIARAN BERITA

MyCC KEMUKAKAN KEPUTUSAN CADANGAN KEPADÀ 26 PENGETUAR AIS

KUALA LUMPUR, 20 Februari 2014 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia ('MyCC') hari ini telah mengemukakan Keputusan Cadangan kepada dua puluh enam (26) pengeluar ais. Pengeluar-pengeluar ais tersebut didapati telah melanggar Seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010 apabila terlibat dalam satu perjanjian yang mempunyai penetapan, secara lansung atau secara tidak langsung, terhadap harga jualan ais tiub boleh dimakan dan blok ais di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

Menurut Ketua pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj, penetapan harga merupakan kebimbangan utama MyCC kerana jelas ianya menghalang proses persaingan dalam mana-mana kes penetapan harga. "Perjanjian penetapan harga akan menyebabkan syarikat-syarikat tidak dapat menilai kos operasi mereka sendiri dan menentukan sendiri kesan kos yang melangkaui serta kenaikan harga yang sepatutnya dan sama ada kenaikan harga tersebut perlu ditanggung oleh mereka mahupun pengguna," tambahnya lagi. "Perjanjian seperti ini, di mana terdapat perbezaan saiz perusahaan, membentarkan pihak terlibat menaikkan harga merangkumi semua dengan harga yang seragam dan memaksimumkan keuntungan tanpa sebarang persaingan."

Keputusan Cadangan ini merupakan penilaian oleh MyCC bagi kes ini dan cadangan penalti kewangan yang akan dikenakan kepada pengeluar-pengeluar ais tersebut adalah menurut Seksyen 40(1) Akta Persaingan 2010. Seperti yang dinyatakan didalam subseksyen 40(4) Akta Persaingan 2010, penalti kewangan tidak melebihi sepuluh peratus perolehan di seluruh dunia sepanjang tempoh perusahaan tersebut melakukan pelanggaran.

Cadangan penalti kewangan ke atas semua pihak yang terlibat ialah RM283,600. Dalam menentukan tahap penalti kewangan yang dikenakan, MyCC mengambil kira (antara lainnya) keseriusan pelanggaran, tempoh pelanggaran; faktor pertambahan seperti tidak bekerjasama semasa siasatan; dan faktor mitigiti seperti memberi kerjasama semasa siasatan. Penalti kewangan yang dikenakan adalah dari RM1,200 hingga RM106,000.

Pihak pengeluar ais mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh Keputusan Cadangan diisukan bagi mengemukakan representasi bertulis atau memberi indikasi ingin mengemukakan representasi lisan kepada MyCC.

MyCC telah mengeluarkan Langkah Interim kepada pengeluar-pengeluar ais bermula pada 20hb Januari 2014, berikutan pengumuman mereka yang telah dikeluarkan pada 24hb Disember 2013, di beberapa akhbar harian tempatan, menyatakan rancangan mereka menaikkan harga ais tiub boleh dimakan sebanyak RM0.50 setiap beg dan harga ais blok sebanyak RM2.50 setiap blok besar dari 1hb Januari 2014.

Untuk senarai lengkap pengeluar-pengeluar ais dan penalti kewangan yang dicadangkan, sila rujuk Appendiks A. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai MyCC dan Akta Persaingan 2010, sila layari www.mycc.gov.my.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiqa, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.

APPENDIKS A

Senarai perusahaan yang terlibat dan cadangan penalti kewangan yang dikenakan:

No.	Perusahaan	Cadangan Penalti Kewangan
1.	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd. (198860-X)	RM106,000
2.	I-Bing Tube Ice Sdn. Bhd. (674381-W)	RM3,200
3.	BNI Sdn. Bhd. (487305-K)	RM3,800
4.	Chuan Heng Trading (Kajang) Sdn. Bhd. (603491-U)* Kajang Crystal Ice Sdn. Bhd. (453614-A)*	RM8,900
5.	S.P. Edible Ice Sdn. Bhd. (1015439-V)	RM1,800
6.	Everest Aisvaram Sdn. Bhd. (613655-M)	RM7,100
7.	Fui Wah Enterprise Sdn. Bhd. (713495-M)	RM17,600
8.	KFI Coldstorage Sdn. Bhd. (493872-P)	RM4,500
9.	Pacific Tube Ice Sdn. Bhd. (719718-H)	RM7,700
10.	Shukor Sakam Ais Rintik-Rintik Sdn. Bhd. (578613-D)	RM7,300
11.	Perfect Tube Ice Sdn. Bhd. (351726-U)	RM25,600
12.	SJ Ice Sdn. Bhd. (640597-T)	RM7,200
13.	Twilight Tube Ice Sdn. Bhd. (308272-T)	RM3,000
14.	Wai Mah Trading (000895329-T)	RM14,800
15.	United Sundry Goods (Taiping) Sdn. Bhd. (183610-A)	RM1,500
16.	Jade Tube Ice Manufacturing Sdn. Bhd. (401831-W)	RM6,500
17.	Thien Nam Sdn. Bhd. (389367-H)	RM4,400
18.	Ocean Land Sdn. Bhd. (17361-D)	RM6,600
19.	Ais Ceria Trading (001403049-A)	RM1,200
20.	Ais Everest Sdn. Bhd. (574195-T)	RM6,800
21.	AE Ice Sdn. Bhd. (928323-D)	RM4,400
22.	Citi Ais Marketing (000898336-D)	RM2,200
23.	KS Trading (SA0084404-A)	RM3,200
24.	Dynamic Tube Ice (Nisar & Sons Sdn. Bhd)	RM2,700
25.	Sunflower Heritage Sdn. Bhd. (533866-A)	RM25,600

* Nota: MyCC telah diberi satu kenyataan bahawa Chuang Heng Trading (Kajang) Sdn. Bhd. dan Kajang Crystal Ice Sdn. Bhd berkongsi akaun kewangan yang sama. Maka, MyCC telah memutuskan untuk mengenakan penalti kewangan kepada dua perusahaan ini secara kolektif.

NOTA PENGARANG:

- 1.) Butiran mengenai **Sekysen 4(2)(a)** Akta Persaingan 2010: *Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang adalah seperti berikut:
 4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.
 - (2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—
 - (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
 - (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
 - (c) membataskan atau mengawal—
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan; atau
 - (d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

**“Perjanjian mendatar” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran; “Perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran.

2.) Butiran mengenai **Sekysen 40(1) dan (4)** Akta Persaingan 2010: Dapatan pelanggaran

40. (1) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian II, ia—
- (a) hendaklah menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta;
 - (b) boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;
 - (c) boleh mengenakan penalti kewangan; atau
 - (d) boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.
- (4) Suatu penalti kewangan tidak boleh melebihi sepuluh peratus daripada pusing ganti seluruh dunia suatu perusahaan sepanjang tempoh suatu pelanggaran berlaku.